

**KENYATAAN DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
27 NOVEMBER 2023**

---

**1. PELANJUTAN TEMPOH PENGANJURAN PAMERAN *LUNA***

***LIGHTS WONDERLAND 2023***

Dimaklumkan kebenaran tempoh lanjutan pameran diberikan atas faktor cuaca yang tidak menentu sepanjang tempoh pameran diadakan. Tempoh semasa bagi pameran ini adalah bermula daripada 27 Oktober 2023 (Jumaat) sehingga 26 November 2023 (Ahad). Tempoh permohonan pelanjutan yang diluluskan adalah selama 30 hari bermula 27 November 2023 (Isnin) sehingga 1 Januari 2024 (Isnin).

**2. OPS CROSS MINI 3 TAHUN 2023**

Dimaklumkan Ops Cross Mini 3 tahun 2023 telah diadakan pada hari Sabtu (25 November 2023) di sekitar kawasan Seberang Perai dah sebanyak 2,509 burung gagak yang telah berjaya ditembak. Semoga usaha ini dapat mengurangkan populasi burung gagak di Seberang Perai sehingga menyebabkan kacau ganggu kepada

penduduk. Ucapan tahniah dan syabas diucapkan buat kesemua peserta yang menjayakan program ini.

### **3. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL PERTAMA 2024**

Dimaklumkan bahawa pemilik premis yang telah mengemaskini maklumat alamat e-mel dan nombor telefon bimbit akan mula menerima *CyberBill* cukai taksiran penggal pertama 2024 melalui sms dan e-mel di antara **28 November 2023 hingga 30 November 2023**. Manakala bagi yang belum mendaftar *CyberBill*, pemilik premis akan menerima bil fizikal secara berperingkat mulai **1 Disember 2023**. Pembayaran perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **29 Februari 2024**.

Adalah dinasihatkan kepada pemilik yang belum mengemaskini maklumat nombor telefon dan e-mel, sila berbuat demikian dengan kadar SEGERA memandangkan tiada lagi bil fizikal yang akan dikeluarkan pada penghantaran bil cukai taksiran akan datang secara berperingkat. Sila imbas **KOD QR myCyberBil** khas yang telah disediakan pada bil untuk tujuan kemaskini.

Pemilik premis juga disarankan supaya memuat turun aplikasi ASPIRE Seberang Perai untuk memudahkan urusan semakan bil cukai taksiran terkini secara digital dan terus membuat bayaran melalui aplikasi berkenaan. Sila hubungi helpdesk cukai taksiran di talian 04-5497470 / 471 / 696 / 697 untuk maklumat lanjut mengenai bil cukai taksiran anda atau emel di [waran@mbsp.gov.my](mailto:waran@mbsp.gov.my)

#### **4. PROMOSI “JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP 2024 & MENANG SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI”**

Promosi “**JOM BAYAR CUKAI TAKSIRAN MBSP PENGGAL 2024 & MENANG SERTA PROMOSI KHAS TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**” bagi bil cukai taksiran tahun 2024 akan bermula pada 1 Disember 2023 dan bakal tamat pada 29 Februari 2024. Promosi ini diadakan sebagai galakan berterusan kepada warga Seberang Perai supaya membayar cukai taksiran serta menjelaskan tunggakan dalam tempoh yang ditetapkan dengan menggunakan mana-mana platform saluran pembayaran secara dalam talian (*online*) atau melalui kiosk serta agensi kutipan yang telah dilantik oleh MBSP. Promosi kali ini juga turut dimeriahkan lagi dengan hadiah khas cabutan bertuah berganda tajaan ASPIRE

Seberang Perai bagi pembayaran yang dibuat sepenuhnya melalui platform ASPIRE Seberang Perai. Berikut adalah syarat penyertaan dan senarai hadiah cabutan bertuah yang ditawarkan:

### **KATEGORI 1 : HADIAH UTAMA TAJAAN MBSP**

#### **Syarat Penyertaan:**

- i. Cukai taksiran tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) perlu dijelaskan sepenuhnya melalui saluran 'online', kiosk dan agensi kutipan yang telah dilantik sahaja.
- ii. Tidak layak bagi pembayaran di semua kaunter MBSP termasuk cawangan.
- iii. Pembayaran hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan mulai 1 Disember 2023 hingga 29 Februari 2024.
- iv. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

<b>Kedudukan Hadiah</b>	<b>Jenis Hadiah</b>
Tempat Pertama	Wang Tunai RM8,888
Tempat Ke- 2	Wang Tunai RM5,000
Tempat Ke- 3	Wang Tunai RM4,000
Tempat Ke- 4	Wang Tunai RM3,000
Tempat Ke- 5	Wang Tunai RM2,000

Tempat Ke-6 hingga Ke-40	Pelbagai Hadiah Menarik Yang Lain
-----------------------------	--------------------------------------

## **KATEGORI 2: HADIAH TAJAAN ASPIRE SEBERANG PERAI**

### **Syarat Penyertaan**

- i. Cukai taksiran tahun 2024 berserta tunggakan (jika ada) perlu dijelaskan melalui **aplikasi ASPIRE Seberang Perai, ASPIRE Web Portal atau ASPIRE SMART Cashless Kiosk sepenuhnya**, berdasarkan jumlah perlu dibayar **setahun (termasuk tunggakan)** atau sepenuhnya seperti yang dipaparkan pada bil penggal 1/2024 yang telah dikeluarkan (fizikal atau digital)
- ii. Pembayaran perlu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan mulai 1 Disember 2023 hingga 29 Februari 2024.
- iii. Merupakan hadiah cabutan berganda. Pemilik yang layak cabutan bertuah ini juga akan layak secara automatik untuk cabutan bertuah utama MBSP
- iv. Hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

Bilangan Hadiah	Jenis Hadiah
10 Unit Hadiah	Pelbagai Jenis termasuk Skuter Elektrik, Telefon Bimbit / Tablet, Alat Elektronik

Cabutan nama pemenang yang bertuah akan ditentukan pada penghujung bulan Mac 2024 kelak.

Maklumat lanjut mengenai terma dan syarat serta senarai saluran pembayaran yang disediakan, sila layari laman web MBSP di <https://www.mbsp.gov.my> atau hubungi talian helpdesk cukai taksiran di **04-5497470/ 471/ 697/ 696** atau e-mel di [waran@mbps.gov.my](mailto:waran@mbps.gov.my)

## 5. SAMBUTAN HARI NATAL

Saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Natal kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Kristian. Hari Natal disambut pada 25 Disember 2023 (Isnin) dan hari tersebut merupakan hari cuti umum.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**